

**12/11/2014 - Sesi Bersama Media Laporan Ketua Audit
Negara Tahun 2013 Siri 3**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan

Salam “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.

**YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi bin Zainal,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;**

**YBhg. Tan Sri Ambrin bin Buang,
Ketua Audit Negara;**

**Ketua-ketua Setiausaha Kementerian, Ketua-Ketua
Perkhidmatan, Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan;**

**YBhg. Tan Sri - Tan Sri, Dato' Sri - Dato' Sri, Dato' - Dato',
Datin - Datin dan rakan-rakan media yang dihormati sekalian.**

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Ketua-ketua Setiausaha Kementerian, Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan, serta pihak media yang hadir pada majlis hari ini.

2. Syukur Alhamdulillah, seperti yang dijanjikan semasa Sesi Bersama Media pada 17 Jun 2014 yang lalu, dapat kita berkumpul sekali lagi dalam Sesi Bersama Media, Laporan Ketua Audit Negara Siri 3 Tahun 2013.

3. Sesi ini jelas membuktikan komitmen Kerajaan dalam meningkatkan integriti perkhidmatan awam, dengan mentransformasikan kaedah pengurusan tindakan susulan ke atas Laporan Ketua Audit Negara.

TRANSFORMASI TINDAKAN SUSULAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

4. Laporan Ketua Audit Negara merupakan satu daripada tanggungjawab Ketua Audit Negara di bawah seksyen 6(d), Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan untuk menilai sama ada aktiviti Kerajaan diuruskan dengan cekap, berhemat dan selaras dengan objektif aktiviti berkenaan. Pengauditan tersebut melibatkan pelbagai aktiviti seperti; perolehan, pentadbiran kontrak, pengurusan aset, penyenggaraan dan pengurusan hasil.

5. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Siri 3 Tahun 2013 ini adalah satu daripada empat inisiatif baharu di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2.0, iaitu di bawah Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) **Membanteras Rasuah**. Ianya bertujuan supaya tindakan susulan, dan penambahbaikan boleh diambil lebih cepat ke atas isu-isu yang dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara

a. Tindakan Proaktif

6. Selaras dengan transformasi perkhidmatan awam yang giat dilaksanakan, Kerajaan sentiasa dari semasa ke semasa, mengambil tindakan proaktif dalam memastikan teguran yang terkandung dalam setiap siri Laporan Ketua Audit Negara diambil tindakan susulan yang sewajarnya. Antara tindakan-tindakan proaktif yang telah dilaksanakan Kerajaan adalah;

(i) membangunkan Paparan Susulan Laporan Ketua Audit Negara atau *Auditor General's Dashboard* yang dilancarkan pada 30 Mei 2013, dan dipaparkan di Laman Portal Jabatan Audit Negara (JAN) pada 31 Mei 2013, yang menunjukkan status tindakan terkini oleh Kementerian, Jabatan, dan Agensi berkenaan isu-isu Laporan Ketua Audit Negara mulai tahun 2012. Melalui paparan susulan, orang ramai boleh mengakses untuk mengetahui status tindakan susulan terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara setiap tahun;

(ii) menubuhkan Jawatankuasa Siasatan, bertujuan untuk mempercepatkan proses siasatan ke atas teguran bersifat punitif yang melibatkan kes penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiian pelaksanaan tugas, sebaik sahaja pembentangan Laporan Ketua Audit Negara di Parlimen. Bagi memastikan siasatan yang telus dan adil dilaksanakan, pegawai-pegawai kanan dari luar kementerian yang disiasat dilantik menjadi anggota Jawatankuasa Siasatan ini;

(iii) memastikan tindakan tatatertib, surcaj, pertuduhan rasuah atau jenayah, ke atas pegawai yang melakukan

salah laku diambil oleh Lembaga Tatatertib atau pihak berkuasa yang berkenaan;

(v) memaklumkan status tindakan susulan Laporan Ketua Audit Negara secara bulanan, dalam Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan; dan

(vi) memaparkan status tindakan susulan Laporan Ketua Audit Negara dalam laman web Jabatan Perkhidmatan Awam, pegawai yang dalam prosiding tindakan tatatertib dan pegawai yang telah dikenakan hukuman tatatertib.

b. Kajian Holistik

7. Selain daripada itu, agensi-agensi pusat yang berkenaan sedang melaksanakan beberapa kajian bersifat holistik ke atas aspek pengurusan perolehan dan pembangunan projek. Sebagai contoh;

- i. menyemak semula Arahan Perbendaharaan / Pekeliling / Peraturan Kewangan semasa oleh Kementerian Kewangan;
- ii. mengadakan Makmal Menangani Isu Kelewatan Pelaksanaan Projek Pembangunan RMK10 oleh Unit Perancang Ekonomi;

- iii. Transformasi Mekanisme Pengurusan Pelaksanaan Projek Pembangunan Fizikal Negara oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan; dan
- iv. Kajian Kes-kes Audit Berulang oleh Jabatan Kerja Raya.

8. Kajian-kajian ini dilaksanakan bagi mengenalpasti isu-isu yang menjadi punca kepada teguran Audit. Ini menunjukkan bahawa di samping tindakan tatatertib, surcaj, pertuduhan jenayah diambil, Kerajaan juga turut mengenal pasti peraturan dan polisi sedia ada yang perlu dikaji atau dipinda sewajarnya, seiring dengan perkembangan semasa. Ini termasuklah penambahbaikan bagi menangani isu-isu berkaitan *improper payment*, kandungan kontrak projek fizikal yang kurang jelas, kegagalan perunding atau kontraktor mematuhi terma kontrak dan perolehan tidak mengikut tatacara kewangan semasa.

PEMANTAPAN INTEGRITI PEGAWAI AWAM

9. Inisiatif-inisiatif yang saya sebutkan sebentar tadi adalah sebahagian daripada berbagai inisiatif giat diambil oleh Kerajaan yang bertujuan untuk memperkasakan lagi gerakan integriti ke arah pembudayaan integriti perkhidmatan awam. Dalam aspek ini, ada beberapa indikator domestik dan antarabangsa yang menunjukkan berlaku perubahan prestasi perkhidmatan awam kepada tahap yang lebih positif:
- i. Dari segi persepsi kualiti penyampaian khidmat awam, berdasarkan Kajian Indeks Persepsi Integriti Nasional

(IPIN) yang mengukur persepsi tahap kualiti khidmat awam yang disampaikan kepada pelanggan, didapati indeks menunjukkan peningkatan skor yang lebih baik berbanding skor 6.7 pada tahun 2011 kepada skor 6.9 pada tahun 2013 dengan skor 10 sebagai skor terbaik.

- ii. Dalam usaha memastikan pengurusan kewangan agensi-agensi kerajaan mematuhi tatacara dan prosedur kewangan, Jabatan Audit Negara telah mewujudkan *Audit Rating System* dinamakan Indeks Akauntabiliti (AI). Jumlah peratusan yang diperolehi mencerminkan tahap pematuhan prosedur kewangan oleh kementerian. Penarafan dari tahun 2009 hingga 2013 menunjukkan peningkatan jumlah kementerian yang mendapat maksimum 4 bintang iaitu prestasi sangat baik dari 10 kementerian pada tahun 2009 meningkat kepada 23 kementerian pada tahun 2013.
- iii. Seterusnya, penilaian melalui Sistem Star Rating (SSR) yang diperkenalkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bagi mengukur prestasi kementerian dan jabatan utama Kerajaan berasaskan 3 komponen utama; Pengurusan, Pengurusan Teras dan Pengurusan Pelanggan menunjukkan dalam tempoh 2008 hingga 2012, terdapat peningkatan yang signifikan daripada segi bilangan kementerian yang telah dianugerahkan 5 bintang. Pada tahun 2008, hanya 1 kementerian mendapat 5 bintang dan 9 Kementerian

mendapat 4 bintang. Pada tahun 2012, 9 kementerian telah mendapat 5 bintang dan 16 kementerian mendapat 4 bintang.

- iv. Di peringkat penilaian antarabangsa, *Institute for Management Development (IMD) World Competitiveness Yearbook(WCY)* menunjukkan kedudukan kecekapan Kerajaan telah meningkat kepada kedudukan yang ke-12 pada tahun 2014 di kalangan 60 negara di seluruh dunia berbanding dengan kedudukan ke-16 pada tahun 2011. Di peringkat negara-negara Asean, pada tahun 2013, Malaysia berada di kedudukan ke-2 selepas Singapura.
- v. Terbaharu, kedudukan Malaysia dalam *World Bank Ease of Doing Business Report* telah menunjukkan prestasi yang amat memberangsangkan di mana Malaysia telah melonjak daripada tempat ke-23 pada tahun 2009 ke tempat ke-6 pada tahun 2014 di kalangan 189 negara di seluruh dunia.
(Maklumat terperinci seperti di Lampiran A)

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 3 TAHUN 2013

10. Seperti yang kita semua sedia maklum, Laporan Ketua Audit Negara Siri 3 Tahun 2013 telah dibentangkan di Parlimen, pada 10 November 2014. Dalam laporan tersebut, terdapat **495** **teguran** iaitu **20** **teguran** bersifat *punitive*(Hukuman) dan **475** **teguran** bersifat *corrective* (pembetulan). Teguran bersifat *corrective* menjurus kepada penambahbaikan sistem

dan prosedur dalaman, manakala teguran bersifat *punitive* melibatkan penyalahgunaan kuasa, salah laku, penyelewengan dan kecuaiian.

11. Dalam usaha memastikan setiap projek Kerajaan dilaksanakan dengan berintegriti dan sentiasa mencari ruang penambahbaikan kepada peraturan dan prosedur sedia ada, **Kerajaan telah meluaskan skop pengauditan kepada lebih banyak projek dan aktiviti Kerajaan** dalam tahun 2013, berbanding tahun 2012. Berikutan daripada usaha penambahbaikan tersebut, **terdapat peningkatan kepada jumlah teguran secara keseluruhannya**. Walau bagaimanapun, **peningkatan tersebut hanya melibatkan teguran *corrective*** manakala bagi **teguran *punitive***, **berlaku penurunan sebanyak 9.9%** berbanding tahun 2012.

12. Bagi 475 teguran *corrective*, tindakan penambahbaikan sedang diambil oleh Kementerian berkaitan. Status tindakan ini dipantau melalui *Dashboard* Jabatan Audit Negara.

13. Manakala bagi teguran *punitive*, tindakan proaktif telah diambil oleh **6 Jawatankuasa Siasatan** yang telah ditubuhkan pada 25 September 2014, bagi menyiasat teguran di 6 Kementerian. Keahlian jawatankuasa adalah terdiri daripada pegawai-pegawai kanan dari luar kementerian yang disiasat.

(Maklumat terperinci seperti di **Lampiran B**)

14. Berdasarkan siasatan yang telah dijalankan, **5 teguran** yang melibatkan **46 orang pegawai** telah dikenalpasti untuk

prosiding tatatertib. Seterusnya, **2 teguran** di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedang diteliti oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi tujuan siasatan di bawah Akta SPRM 2009. Manakala **13 teguran** lagi sedang diteliti lebih lanjut oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, Jabatan Peguam Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, bagi tujuan mengesahkan bahawa benar-benar tidak wujud penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiian pelaksanaan tugas.

(Maklumat terperinci seperti di **Lampiran C**)

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013 (SIRI 1 & 2)

15. Bagi Laporan Ketua Audit Negara Siri 1 dan Siri 2 Tahun 2013, daripada **80 teguran punitive**, sehingga 5 November 2014, **19 teguran** yang melibatkan **48 orang pegawai** telah dikenalpasti untuk dimulakan prosiding tatatertib. Manakala **55 teguran** telah didapati tiada asas kukuh untuk diambil tindakan tatatertib, memandangkan ia tidak melibatkan salahlaku sebaliknya berlaku berikutan kelemahan sistem, prosedur dan peraturan semasa. Baki **6 teguran** masih dalam proses siasatan oleh Jawatankuasa Siasatan.

(Maklumat terperinci seperti di **Lampiran D**)

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

16. Bagi Laporan Ketua Audit Negara 2012, daripada **111 teguran punitive** yang melibatkan **121 kes**, sehingga 5 November 2014, sebanyak **100 kes** telah selesai diambil tindakan. Baki **21 kes** masih dalam peringkat siasatan kementerian / negeri / SPRM / PDRM. Seramai 175 pegawai telah dimulakan prosiding tatatertib/surcaj. Daripada jumlah tersebut, **108 pegawai** telah diputuskan hukuman oleh lembaga tatatertib berkeajaan, di mana iaitu **85 pegawai didapati bersalah** dan **23 pegawai didapati tidak bersalah**. Seramai **67 pegawai** lagi masih **dalam prosiding tatatertib/surcaj/ mahkamah**.

(Maklumat terperinci hukuman seperti di **Lampiran E**)

RUMUSAN

17. Sebagai rumusan, transformasi pentadbiran tindakan susulan kepada Laporan Ketua Audit Negara telah membolehkan tindakan-tindakan segera diambil. **Bagi teguran corrective**, Ketua-ketua Setiausaha dan Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri, telah diminta untuk mengambil tindakan penambahbaikan peraturan, prosedur dan proses kerja dengan segera, selepas *exit conference* (iaitu mesyuarat bersama dengan Ketua-ketua Setiausaha untuk mendapatkan maklumat tambahan) dan *confirmatory letter* (iaitu butiran teguran Audit untuk setiap kementerian).

18. **Bagi teguran *punitive***, Jawatankuasa Siasatan telah dibentuk sebaik sahaja pembentangan awal laporan oleh Ketua Audit Negara, dibuat di peringkat Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Peguam Negara.

PENUTUP

19. Saya yakin pihak media telah membaca keseluruhan Laporan Ketua Audit Negara Siri 3 Tahun 2013 beserta maklum balas yang dicatatkan. Oleh itu, saya mengharapkan laporan media yang lebih menyeluruh, dengan mengambil kira tindakan penambahbaikan oleh kementerian-kementerian.

SESI SOAL JAWAB

20. Sama seperti sesi yang lepas, saya menjemput wartawan yang hadir pada hari ini untuk bertanyakan **soalan mengenai isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 3 Tahun 2013.**

21. Semua Ketua Setiausaha dan Ketua Jabatan yang berkenaan ada bersama-sama saya pada hari ini, untuk

memberi penjelasan kepada pihak media mengenai tindakan susulan daripada Laporan Ketua Audit Negara Siri 3 Tahun 2013 dan persoalan-persoalan yang dibangkitkan (jika ada).

Sekian,

***WabillahiTaufikWalhidayah
Warahmatullahi Wabarakaatuh.***

Wassalaamualaikum

12 NOVEMBER 2014.